

# Tuan Rumah Pertahankan Kejuaraan Festival ZAPIN MAKUM 2008

Oleh : Mashitoh Abu

4 Disember 2008 - Pasukan Zapin Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjuarai Festival Zapin MAKUM 2008 dan mengalahkan 17 universiti yang menyertai pertandingan tersebut dan merupakan universiti yang bernaung di bawah Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM). UPM mempersembahkan Tarian Zapin Seri Bunian dan membawa pulang wang tunai RM 2,000.00, sijil dan piala ringan.

Pertandingan Zapin ini dianjurkan oleh UPM, MAKUM dan dengan kerjasama Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara. Pertandingan ini merupakan acara tahunan yang ditetapkan di dalam kalendar MAKUM.

Naib johan pertandingan disandang oleh Universiti Malaya yang mempersembahkan Zapin Sebat Sarawak dan tempat ketiga dimenangi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang mempersembahkan Zapin Sarawak.

UniMAP diwakili oleh kumpulan Sutra Kasih yang dianggotai seramai 8 orang pelajar yang terdiri daripada 4 pelajar lelaki dan 4 pelajar perempuan. Kumpulan ini mempersembahkan Tarian Zapin Pekajang yang berasal daripada Negeri Johor.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UPM berkata Festival Zapin MAKUM diadakan bertujuan mencungkil bakat dan kreativiti pelajar dalam membudayakan kesenian Zapin Melayu sebagai khazanah warisan budaya. Selain itu, pertandingan ini juga berjaya menyuntik rasa kecintaan pelajar terhadap seni budaya dengan mengenali dan mendalamai tarian zapin.

